



ZULKAFI (kiri) melihat hakisan tanah berhampiran belakang rumah di Taman Sungai Jelok.

Pesara tentera rayu atasi segera hakisan tanah

KAJANG: Pesara tentera, Mejar (B) Zulkafli Daud, 79, merayu pihak berkuasa segera membantu mengatasi masalah hakisan tanah di tebing Sungai Jelok berdekatan rumahnya bagi mengelak sebarang kejadian tidak diingini.

Beliau mendakwa, hakisan tanah tebing yang semakin teruk sejak Disember tahun lalu turut menghakis tebing sungai bersebelahan rumahnya berikutan dinding sungai dan sistem perparitan dijalankan secara 'separuh jalan'.

"Dalam keadaan cuaca tidak menentu kebelakangan ini, saya bimbang tahap keselamatan keluarga saya kerana hakisan tebing ini hanya terletak kira-kira 10 meter dari rumah saya dan ia semakin besar ketika musim hujan.

"Ada wakil rakyat yang datang meninjau masalah ini, tetapi sehingga kini tidak ada tindakan susulan diambil, sekali gus menimbulkan ketakutan setiap kali hujan lebat kerana risau runtuh hakisan tanah yang lebih besar berlaku hingga mengenai tembok rumah saya," katanya.

Rakannya, Saharul Ali Hamid, 34, pula berkata tebing sungai yang dibina separuh jalan itu sering mengakibatkan banjir kilat di kawasan berdekatan berikutan arus deras yang melalui sungai terbabit tidak mengikut laluan dikhaskan.

"Paling membimbangkan, ketika banjir tahun lalu, banyak rumah dinaiki air kesan daripada masalah ini, namun selepas itu, saya tidak nampak sebarang penyelenggaraan dibuat bagi mengelak ia berulang dan menjamin keselamatan penduduk.

"Kita berharap pihak berkuasa dapat mengambil tindakan segera mengatasi masalah ini bagi mengelak sebarang insiden buruk pada masa depan, sekali gus menamatkan kebimbangan penduduk selama ini," katanya.

Tinjauan *Sentral* mendapati, tebing sungai dan sistem perparitan yang dibina kira-kira 10 tahun lalu dijalankan separuh jalan dan tidak mengikut cadangan awal pembinaan berdekatan Penjara Kajang melalui kawasan perumahan terbabit hingga ke bandar ini.